

Universiti Singapura juara Wupid 2010

UNIVERSITI Kebangsaan Singapura menjuarai Pertandingan Debat Jemputan Keamanan Dunia 2010 (Wupid 2010) di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Pasukan yang dibarisi oleh Imran Rahim dan Robin Teo itu menumpaskan tiga pasukan lain iaitu pasukan Universiti Monash, Universiti Cambridge dan Universiti Sydney.

Mereka membawa pulang piala pusingan dan wang tunai RM5,000 yang disampaikan oleh Naib Canselor UPM ketika itu, Profesor Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha Abdullah.

WUPID yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia dan H&G Strategic Communications yang bertemakan *This house support Malaysia's plan to develop nuclear energy* itu dimenangi NUS.

Sementara itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tersenarai pada kedudukan ke-27 ranking dunia universiti debat terbaik bagi tahun ini.

Tiga tempat teratas masing-masing oleh Universiti Sydney, Australia, Universiti Oxford, England dan Universiti Yale, Amerika Syarikat.

Senarai lengkap kedudukan universiti-universiti yang aktif mengambil bahagian dalam pertandingan debat peringkat dunia boleh didapati dengan melayari laman web <http://worlddebating.blogspot.com>.

Bagaimanapun, pasukan UIAM itu yang mewakili Malaysia pada WUPID di UPM di sini gagal membawa kejuaraan buat negara apabila terkandas di peringkat suku akhir bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tiga lagi universiti yang mewakili negara adalah Universiti Multimedia, Kolej Universiti Damansara, Universiti Putra Malaysia, dan Universiti Teknologi dan Inovasi Asia Pasifik.

Sebanyak 25 buah universiti terkemuka dari seluruh dunia bertanding dalam pertandingan itu.



IMRAN Rahim (kiri) dan Robin Teo menjulang piala WUPID 2010 sambil disaksikan Dr. Nik Mustapha.